

# PUTRAe-VF

PUTRA E-VISITING FELLOW

Putra eVisiting Fellow (Putra e-VF) adalah program yang membolehkan UPM mengundang pensyarah universiti lain sebagai Felo Pelawat Dalam Talian (Online e-Visiting Fellow) atau pensyarah UPM diundang sebagai Felo Pelawat Dalam Talian oleh universiti lain yang melaksanakan program yang sama. Inisiatif ini merupakan alternatif kepada pelaksanaan sedia ada yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian sebagai usaha untuk meningkatkan dan menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP).

## Maklumat Pelantikan Putra e-VF

### Tempoh Perkhidmatan

Sekurang-kurangnya dua (2) minggu hingga satu (1) tahun

### Bidang tugas

Umum

i. Perkongsian kepakaran melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelidikan, perundingan, pengembangan dan sebagainya.

Khusus

- i. Menyampaikan kuliah/dialog dalam kursus-kursus/kepakaran tertentu kepada staf akademik dan pelajar.
- ii. Memberi ceramah/seminar mengikut keperluan tertentu.
- iii. Memberi khidmat rundingan mengenai bidang baharu penyelidikan /penyelidikan sedia ada atau program pembangunan akademik.

### Pelaksanaan

Aktiviti perkongsian secara dalam talian yang dilaksanakan melalui platform maya yang disediakan oleh UPM

### Imbuhan

Tiada imbuhan yang diberikan kepada Putra e-VF, namun PTJ boleh mempertimbangkan untuk membayar sagu hati bersesuaian dengan bidang tugas yang dilaksanakan.

### Syarat Lantikan

Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Institut/Fakulti.


### Kriteria Pelantikan

- i. Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.
- ii. Seorang sarjana dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan penyelidikan.
- iii. Berpengalaman dan mencapai kejayaan cemerlang dalam bidangnya

### Kuasa Melantik

Pendaftar, UPM.

## Manfaat Putra e-VF



Menyediakan penyelesaian yang praktikal dalam menghadapi situasi yang terdesak seperti ancaman wabak (COVID-19), kekangan kewangan, kekangan logistik dan lain-lain.

Menjimatkan kos operasi dari segi logistik dan perjalanan kerana dilaksanakan secara dalam talian.

Mengoptimalkan pembudayaan e-pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan era digital.

Mengiktiraf kepakaran staf akademik UPM dan menonjolkan keterlihatan UPM pada peringkat global.

Mengaktifkan aktiviti MoU universiti sedia ada dan membuka peluang untuk jalinan kerjasama dengan universiti lain.

**Untuk maklumat lanjut, hubungi CADE:**



<https://cade.upm.edu.my/>

03 - 9769 6049

cadeinovasi@upm.edu.my

Pusat Pembangunan Akademik,  
Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia